

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH**  
**KAWASAN : KUALA TERENGGANU**

**SOALAN:**

**YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH (KUALA TERENGGANU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status sebenarnya Lebuh Raya Simpang Pulai ke Kenyir dan mengapakah ia belum dibuka secara rasmi sepenuhnya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pembinaan projek Projek Jalan Simpang Pulai Lojing – Gua Musang – Kuala Berang telah dimulakan sejak tahun 1990 lagi dan ia dibuat secara berfasa. Ini kerana ia melibatkan kos yang tinggi, iaitu melebihi RM2 bilion bagi jarak keseluruhan jalan sepanjang lebih kurang 300km.

Projek ini melintasi 4 negeri iaitu Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu di mana ia melalui kawasan bentuk muka bumi yang berbukit bukau. Oleh itu pembinaan projek ini perlu mengambil kira aspek kejuruteraan jalan yang dibuat secara terperinci dan mengambil masa. Setakat ini Kerajaan telah siap membina 6 daripada 10 pakej yang terlibat dengan jarak yang telah disiapkan ialah sepanjang 155 kilometer, iaitu dari Simpang Pulai, Perak ke Kuala Betis di Gua Musang, Kelantan.

Pada masa kini satu pakej sedang dalam peringkat pembinaan, iaitu pakej dari Aring ke Sempadan Negeri Terengganu. Pakej ini dijangka akan disiapkan sepenuhnya pada akhir tahun 2016. Manakala 2 pakej lagi, iaitu dari Kuala Jeneris ke Tasik Kenyir; dan dari Kg. Teris ke Kuala Telemong telah dipohon untuk cadangan pelaksanaan dalam RMKe-11 (2016 – 2020). Untuk pakej dari Kuala Betis ke Gua Musang pula, ia akan dilaksanakan melalui peruntukan dan seliaan di bawah pasukan Wilayah Korridor Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Apabila kesemua pakej ini disiapkan kelak, ia akan melengkapkan rangkaian jalan timur – barat (laluan kedua), termasuk bersambung ke Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2), iaitu di persimpangan Kuala Telemong, Terengganu.

Sekian, terima kasih.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' SERI ABDUL HADI BIN DARIPADA AWANG [ MARANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Program j-QAF yang telah dilaksanakan di peringkat sekolah rendah dan adakah Kerajaan berhasrat untuk memperluaskan program j-QAF ke peringkat sekolah menengah bagi memperkasakan lagi sistem pendidikan berunsurkan Islam.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan beberapa kajian terhadap keberkesanan pelaksanaan Program j-QAF antaranya:

1. Kajian Impak Program j-QAF pada tahun 2011. Dapatan kajian tersebut menunjukkan pelaksanaan Program j-QAF mampu meningkatkan penguasaan murid dalam tilawah Al-Quran, Jawi, Bahasa Arab dan Solat.
2. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerusi Institut Islam Hadhari sedang menjalankan kajian di bawah Projek Penyelidikan Pemerkasaan Program j-QAF Dalam Transformasi Sistem Pendidikan Islam Malaysia: Pengurusan, Pelaksanaan, Keberkesanan. Kajian tersebut telah memasuki fasa kedua pada tahun ini.

KPM tidak bercadang untuk memansuhkan Program j-QAF yang telah dilaksanakan sejak tahun 2005. Bahkan pada masa sekarang, KPM sedang giat melaksanakan aktiviti untuk memantapkan pelaksanaan Program j-QAF di sekolah-sekolah rendah. KPM juga merancang dan bercadang akan terus melaksanakan program memperkasa Pendidikan Islam yang bersesuaian sebagai kesinambungan kepada Program j-QAF di peringkat sekolah menengah.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' SERI ABDUL HADI BIN DARIPADA AWANG [ MARANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pencapaian Gelombang Pertama (2013-2015) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dalam mengubah sistem yang memberi sokongan kepada guru dan penekanan kepada kemahiran teras.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam usaha untuk memberi sokongan profesional kepada guru, Gelombang 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) memberikan tumpuan kepada inisiatif Piagam Guru (*Teacher Charter*) yang memberikan penekanan kepada aspek perkembangan profesionalisme guru seperti latihan pra perkhidmatan dan pembangunan profesional berterusan (*continuous professional development – CPD*).

Kementerian juga telah memperkenalkan Pakej Kerjaya Guru baharu yang secara dasarnya mengubah cara pemilihan pembangunan profesional keguruan dan pemberian ganjaran sepanjang tempoh kerjaya seorang guru. Antara langkah yang telah diambil adalah meningkatkan keberkesanannya latihan pra perkhidmatan dan pembangunan profesional berterusan serta membangunkan laluan kerjaya baharu yang menarik untuk menyokong laluan pantas berdasarkan prestasi dan kompetensi, selaras dengan peluang untuk penempatan semula bagi guru yang tekal berprestasi rendah.